



**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BIL: 04/2017
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**ANUGERAH SKIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DALAM NEGERI
BAGI SESI AKADEMIK 2017/2018**

Setiausaha Tetap di kementerian/jabatan atau **Naib Canselor / Rektor / Ra'es** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah membuat perancangan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini digelar Kerajaan) di kementerian dan jabatan masing-masing untuk mengikuti pengajian melalui:

Anugerah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri

bagi sesi akademik 2017/2018 hendaklah menghadapkan sokongan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam **setelah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM)** masing-masing.

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai-pegawai yang disokong mestilah memenuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 27/1988 (Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Yang Mengawal Mengenai Dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri).
- 1.2 Berumur **40 tahun dan ke bawah pada tarikh kursus yang akan diikutinya bermula**. Bagi pegawai yang memohon kursus Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D), Keutamaan akan diberikan kepada pegawai yang berumur **di dalam lingkungan 35 tahun**.
- 1.3 Mempunyai **Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun kebelakangan** sekurang-kurang **Sangat Baik (Gred B)** bagi dua (2) tahun berturut-turut dan **Cemerlang (Gred A)** di tahun terakhir penilaian.

i. Bagi kemasukan mulai Januari 2017:

Tahun	Prestasi
2014	Sangat Baik (Gred B)
2015	Sangat Baik (Gred B)
2016	Cemerlang (Gred A)

ii. Bagi kemasukan mulai Januari 2018:

Tahun	Prestasi
2015	Sangat Baik (Gred B)
2016	Sangat Baik (Gred B)
2017	Cemerlang (Gred A)

Bagi pegawai yang **berkhidmat kurang dari satu (1) tahun atau tempoh penilaian prestasi kurang dari tiga (3) tahun kebelakangan, ulasan sokongan berkursus** hendaklah **dihadapkan bersama dengan laporan sulit** mengenai prestasinya.

- 1.4 **Rekod Perkhidmatan GEMS (RPG)** hendaklah **dikemaskini** sepertimana Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil: 13/2014.



Ketua Jabatan dikehendaki memastikan setiap maklumat pegawai dan kakitangan adalah sahih, kemaskini dan teratur di dalam *Government Employee Management System (GEMS)* dengan memberikan pengesahan secara bertulis bagi setiap sokongan yang dihadapi.

Bagi sokongan yang mana RPG belum dikemaskini sepenuhnya akan dikembalikan dan tidak diproses.

- 1.5 Ketua Jabatan hendaklah memastikan mana-mana pegawai dan kakitangan yang pernah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) **mempunyai lebih perkhidmatan yang mencukupi bagi menjalani tempoh ikat janji terdahulu dan yang akan datang** setelah selesai mengikuti LDP sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan.

Tempoh ikat janji (bond) dengan Kerajaan adalah seperti berikut;

Tempoh kursus	Tempoh Ikat Janji (Bond)
Kurang daripada empat (4) bulan	1 tahun
Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan	2 tahun
Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun	3 tahun
Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun	5 tahun
Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun	7 tahun
Tiga (3) tahun hingga kurang daripada empat (4) tahun	10 tahun
Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun	12 tahun
Lima (5) tahun hingga kurang daripada enam (6) tahun	14 tahun
Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun	17 tahun
Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun	19 tahun

Nota:

- i. Tempoh ikat janji adalah berdasarkan kepada tempoh menerima kemudahan dibawah skim latihan dalam perkhidmatan yang dibenarkan.
- ii. Jika tempoh kursus berubah maka tempoh ikat janji akan berubah (bertambah atau berkurang) daripada tempoh ikat janji yang asal.
- iii. Tempoh ikat janji bermula pada tarikh melapor diri selepas mengikuti kursus yang dibenarkan.

- 1.6 Sokongan Kementerian/IPTA bagi mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan secara **Skim Cuti Belajar Dalam Negeri** hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 1.6.1 **Kursus yang diikuti hendaklah dalam bidang-bidang strategik** mengikut **perancangan dan keperluan** Kementerian / IPTA, bukan hanya sekadar yang berbentuk perkembangan individu (personal development);
- 1.6.2 **Perancangan dan keperluan selaras dengan rancangan penggantian (succession planning)** Kementerian / IPTA;
- 1.6.3 **Berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab serta jawatan** pegawai yang disokong;
- 1.6.4 **Kelulusan akademik** hendaklah **berkait rapat dengan kursus** yang akan diikuti;

